

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## INDEKS KOS BAHAN BINAAN

OGOS 2024

**Indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan kecil antara negatif 0.3 peratus hingga negatif 1.4 peratus pada Ogos 2024**

**PUTRAJAYA, 11 September 2024** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, OGOS 2024**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan indeks seunit harga besi merekodkan penurunan kecil antara negatif 0.3 peratus hingga negatif 1.4 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Ogos 2024 berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi dicatatkan bagi kawasan Terengganu & Kelantan (-1.4%), diikuti dengan kawasan Miri (-1.1%) dan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (-0.7%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan terdapat peningkatan dalam indeks harga seunit simen antara 0.3 peratus hingga 1.6 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi di Johor (1.6%), diikuti dengan kawasan Pahang (0.5%) dan Terengganu & Kelantan (0.3%).

Manakala indeks harga seunit pasir merekodkan peningkatan antara 1.3 peratus hingga 17.2 peratus bagi beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia pada Ogos 2024 berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi dicatatkan bagi kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (17.2%), diikuti dengan Johor (8.6%) dan Pahang (6.2%). Selain daripada itu, indeks harga seunit batu baur juga mencatatkan peningkatan antara 0.3 peratus hingga 7.3 peratus bagi hampir semua kawasan pada Ogos 2024 berbanding bulan lepas.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Ogos 2023 dan Ogos 2024 pula menunjukkan indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan kecil antara 0.2 peratus hingga 3.5 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi dicatatkan bagi kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (3.5%), diikuti dengan Pahang (2.7%) dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.3%).

Selain daripada itu, perbandingan tahunan indeks harga seunit besi pula mencatatkan penurunan antara negatif 0.6 peratus hingga negatif 4.2 peratus pada Ogos 2024 berbanding bulan yang sama tahun lalu bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa purata harga simen (*Ordinary Portland*) mencatatkan peningkatan kecil (0.6%) dengan purata harga RM23.33 per 50 kg sekarung berbanding Julai 2024 (RM23.20 per 50 kg sekarung). Manakala, purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan penurunan (-0.6%) dengan purata harga RM3,705.37 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Julai 2024: RM3,726.37 bagi setiap tan metrik).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli bagi semua kategori bangunan pada bulan Ogos 2024 meningkat antara 0.1 peratus hingga 2.1 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia. Peningkatan tertinggi bagi IKB telah dicatatkan di kawasan Johor untuk kategori Bangunan (Konkrit Tetulang) 2-4 Tingkat (Berbumbung Rata) dan Cerucuk Konkrit Tetulang (masing-masing 2.1%).

Namun begitu, terdapat sedikit penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.4 peratus bagi IKB termasuk bar keluli bagi beberapa kategori bangunan di Terengganu & Kelantan.

IKB termasuk bar keluli di Sabah menunjukkan penurunan kecil iaitu antara 0.1 peratus hingga 0.9 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu dan Sandakan. Selain daripada itu, IKB bagi hampir semua kategori bangunan di Tawau pula kekal tidak berubah.

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak pada Ogos 2024 mencatatkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.5 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching dan Miri. Manakala IKB termasuk bar keluli bagi hampir semua kategori bangunan di Sibu pula mencatatkan peningkatan kecil (0.1%).

Berdasarkan perspektif global, menurut laporan daripada laman sesawang *Trading Economics* yang dipetik pada 4 September 2024, penurunan harga bijih besi ini adalah sejajar dengan krisis lebihan bekalan perumahan berskala besar dan pengurangan kebergantungan kepada sektor intensif logam seperti pembinaan di China.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 11 September 2024

**Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – Ogos 2024**



**Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – Ogos 2024**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
11 SEPTEMBER 2024**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## BUILDING COST INDEX, MALAYSIA

AUGUST 2024

---

***The unit price index of steel recorded a slight decrease between negative 0.3 per cent to negative 1.4 per cent in August 2024***

**PUTRAJAYA, September 11, 2024** – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, AUGUST 2024**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed that the monthly comparison showed a slight decrease in the unit price index of steel between negative 0.3 per cent to negative 1.4 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in August 2024 as compared to the previous month. The highest decrease was in Terengganu & Kelantan (-1.4%), followed by Miri (-1.1%) and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-0.7%).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that, the unit price index of cement recorded an increase between 0.3 per cent to 1.6 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was in Johor (1.6%), followed by Pahang (0.5%) and Terengganu & Kelantan (0.3%).

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, September 11, 2024**

Meanwhile, the unit price index of sand recorded an increase between 1.3 per cent to 17.2 per cent for several areas in Peninsular Malaysia in August 2024 as compared to the previous month. The highest increase was in Pulau Pinang, Kedah & Perlis (17.2%), followed by Johor (8.6%) and Pahang (6.2%). Apart from that, the unit price index of aggregates also registered an increase between 0.3 per cent to 7.3 per cent for almost all areas in August 2024 as compared to the previous month.

An annual comparison for the period of August 2023 and August 2024 showed that the unit price index of cement increased between 0.2 per cent to 3.5 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was recorded in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (3.5%), followed by Pahang (2.7%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.3%).

Nevertheless, an annual comparison of the unit price index of steel recorded a decrease between negative 0.6 per cent to negative 4.2 per cent in August 2024 as compared to the same month last year for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The Chief Statistician of Malaysia elaborated that the average price of cement (Ordinary Portland) recorded a marginal increase (0.6%) with an average price of RM23.33 per 50 kg bag as compared to July 2024 (RM23.20 per 50 kg bag). However, the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded a decrease (-0.6%) with an average price of RM3,705.37 per metric tonne as compared to the previous month (July 2024: RM3,726.37 per metric tonne).

The month on month of BCI with steel bars for all building categories in August 2024 increased between 0.1 per cent to 2.1 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia. The highest increase was in Johor for 2-4 storey (Reinforced Concrete) Building (Flat Roof) and Reinforced Concrete Piling (2.1% respectively). However, there was a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.4 per cent for BCI with steel bars for several building categories in Terengganu & Kelantan.

**Embargo:** Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, September 11, 2024**

*BCI with steel bars in Sabah also showed a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.9 per cent for almost all building categories in Kota Kinabalu and Sandakan. Meanwhile, the index for almost all other building categories in Tawau remained unchanged.*

*A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak for August 2024 registered a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.5 per cent for almost all categories of buildings in Kuching and Miri. However, BCI with steel bars for almost all building categories in Sibu showed a slight increase (0.1%).*

*On a global perspective, according to a report from The Trading Economics website dated 4<sup>th</sup> September 2024, the decline in iron ore prices is in line with the large-scale housing oversupply crisis and the reduction of dependence on metal-intensive sectors such as construction in China.*


*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*


*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.*

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, September 11, 2024

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – August 2024**



**Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – August 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
11 SEPTEMBER 2024**